

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)**

TAJUK	FORUM DISKUSI PRODUKTIF SENARIO PASARAN BURUH MALAYSIA		
TARIKH/ GARIS MASA	19 Disember 2023 (Selasa)		
LATAR BELAKANG & JUSTIFIKASI	1. Pasaran buruh merupakan pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimana pun, negara menghadapi pelbagai isu struktur sejak sekian lama dan ini menjejaskan aspirasi untuk beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Kebergantungan yang tinggi pada pekerja asing berkemahiran rendah melebarkan jurang kemahiran serta kadar upah dan gaji yang rendah juga telah mendorong kepada pekerjaan berkemahiran rendah. Isu ketidakpadanan pekerja juga amat ketara kerana kemahiran yang diperlukan industri tidak sepadan dengan kemahiran yang sedia ada dalam pasaran. 2. Kajian Separuh Penggal RMK-12 telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan tenaga buruh mahir kepada 35 peratus pada tahun 2025 dan sasaran ini penting untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Selain itu, ianya sejajar dengan Ekonomi MADANI dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), di mana pembangunan bakat perlu diperkasakan bagi menyokong keperluan industri. Melalui NIMP 2023, pasaran buruh dikenalpasti sebagai agen penggerak dalam memastikan Malaysia dapat meningkatkan daya saing dan produktiviti serta mencapai pertumbuhan ekonomi berimpak tinggi. Kadar penyertaan buruh juga perlu dipertingkatkan khususnya kaum wanita dimana matlamatnya adalah untuk meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita mencecah 60 peratus supaya lebih setanding dengan ekonomi serantau. 3. Justeru, MPC akan mengadakan satu Forum Diskusi Produktif Senario Pasaran Buruh Malaysia bagi mengupas serta memberikan pendedahan kepada para peserta berkenaan senario terkini pasaran buruh Malaysia dan apakah inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam menambahbaik penstrukturan semula pasaran buruh di Malaysia. Seminar di atas akan mengoptimalkan penggunaan bajet TWIP. Perincian kos seperti di Lampiran II.		
KAEDAH PELAKSANAAN	Program	Objektif	Kaedah Pelaksanaan
	Forum Diskusi Produktif Senario Pasaran Buruh Malaysia	1. Meningkatkan kesedaran dan pemahaman yang lebih baik tentang ekosistem holistik pasaran buruh; 2. Mengukuhkan kerjasama antara pihak berkepentingan	Program akan dijalankan secara fizikal selama 1 hari melibatkan penyertaan seramai 200 orang peserta dari Kementerian/ Agensi, Pemain Industri dan Organisasi/ Syarikat. Sebanyak 5 Ahli Panel & 3 Pembentangan Kertas Seminar yang terdiri dari: 1. Khazanah Reseach Institute (KRI) 2. Centre for Future

			Labour Market Studies (EU-ERA) 3. Malaysian Employers Federation (MEF) 4. Malaysian Trades Union Congress (MTUC) 5. MPC 6. Thumbprint UTD Sdn. Bhd. 7. KPJ Rawang 8. ViTrox Technologies Sdn. Bhd.
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN	1. Kementerian/ Agensi 2. Pemain Industri 3. Organisasi/ Syarikat		

JANGKAAN HASIL/ OUTCOME	Peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi Negara bagi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.
JANGKAAN OUTPUT	1. Pemahaman yang lebih baik tentang ekosistem holistik pasaran buruh: Peserta seminar akan mendapat pemahaman yang lebih mendalam kompleksiti pasaran buruh dan bagaimana berbagai faktor saling berkaitan dalam mempengaruhi isu struktural pasaran buruh secara keseluruhan. 2. Pengukuhan kerjasama antara pihak berkepentingan: Seminar ini mungkin mewujudkan peluang untuk pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan, majikan, kesatuan sekerja, dan masyarakat untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat bersama untuk pasaran buruh yang lebih baik. 3. Peningkatan produktiviti ekonomi: Dengan memperbaiki pasaran buruh dan memastikan bahawa pekerja mempunyai akses kepada latihan dan pendidikan yang berkualiti, ekonomi tempatan akan berkembang dengan lebih cekap, berdaya saing serta meningkatkan kemakmuran keseluruhan masyarakat.
KUMPULAN SASAR	Kementerian, Agensi dan Pemain Industri di Malaysia
SUMBER BAJET/ KOS	Bajet Pembangunan (TWIP) = RM111,750 Bajet Operasi (OE) = RM3,000 Perincian kos seperti di Lampiran A
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA	TIADA
SYOR	Memohon pertimbangan BOM bagi cadangan: 1. Meluluskan pelaksanaan penganjuran Forum Diskusi Produktif Senario Pasaran Buruh Malaysia 2. Meluluskan penggunaan bajet TWIP untuk program berkenaan.
UNIT/ BAHAGIAN	Seksyen Pembangunan Bakat/ DGO

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain.
Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.



DISOKONG OLEH:

TIDAK BERKAITAN

Jawatan:

Nama Bajet:

Tarikh:

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH:  ZUL EZWAN MUHAMAD Pengurus 8 November 2023	DISEMAK OLEH:  DR. SURIATI ZAINAL ABIDIN Timbalan Pengarah 8 November 2023	DISAHKAN OLEH:  MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID Pengarah 8 November 2023

TENTATIF ATURCARA
FORUM DISKUSI PRODUKTIF SENARIO PASARAN BURUH MALAYSIA
19 DISEMBER 2023 | DOUBLETREE BY HILTON PUTRAJAYA LAKESIDE

Isnin, 18 Disember 2023 (Hari Pertama)

MASA		AKTIVITI
14.30 – 15.30	:	Check-in Hotel (Lobby Hotel / Reception Counter)
15.30 – 16.00	:	Sesi Strategik bersama Moderator, Ahli Panel dan Pembentang Kertas Seminar
16.00 - 16.30	:	Minum Petang
16.30 – 17.30	:	Sesi Strategik bersama Moderator, Ahli Panel dan Pembentang Kertas Seminar
18.30 - 20.30	:	Makan Malam
20.30 – 22.00	:	Persiapan Dan Sesi Raptai Forum Diskusi Produktif Senario Pasaran Buruh Malaysia
22.00	:	Minum Malam

Selasa, 19 Disember 2023 (Hari Kedua)

MASA		AKTIVITI
8.00 – 9.00	:	Pendaftaran Peserta
9.00 – 9.15	:	Ketibaan Dif-dif Jemputan
9.15 – 9.30	:	Nyanyian Lagu Negaraku dan Bacaan Doa
9.30 – 9.45	:	Ucapan Aluan oleh YBr. Encik Zahid Ismail Ketua Pengarah MPC
9.45 – 10.00	:	Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Hairil Yahri Yaacob Ketua Setiausaha MITI Sesi Bergambar
10.00 - 10.30	:	Minum Pagi
10.30 – 13.00	:	Forum Diskusi Produktif Senario Pasaran Buruh Malaysia Moderator Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar Ahli Panel 1. Khazanah Reseach Institute (KRI) 2. Centre for Future Labour Market Studies (EU-ERA) 3. Malaysian Employers Federation (MEF) 4. Malaysian Trades Union Congress (MTUC) 5. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Sesi Bergambar
13.00 - 14.15	:	Makan Tengahari

14.15 – 15.00	:	Perkongsian Amalan Terbaik Syarikat 1 Thumbprint UTD Sdn. Bhd.
15.00 – 15.45	:	Perkongsian Amalan Terbaik Syarikat 1 KPJ Rawang
15.45 – 16.30	:	Perkongsian Amalan Terbaik Syarikat 1 ViTrox Technologies Sdn. Bhd.
16.30	:	Minum Petang & Program Tamat

PERINCIAN KOS - BAJET PEMBANGUNAN – TWIP

Perkara	Kategori	Nilai
Seminar Memeriksa Pasaran Buruh ke arah Ekosistem yang Produktif		
Pakej Mesyuarat (RM180 x 200 Peserta x 1 Hari)	P29401 – Makan Minum tanpa penginapan Peserta Bengkel, Seminar & Mesyuarat	36,000
Pakej Residensi (25 peserta x RM400 x 1 malam)	P29407 – Makan Minum termasuk penginapan (Pakej Residensi)	10,000
Sewaan Peralatan / AVA	P29406 – Honorarium, Saguhati & Hadiah	20,000
Perkhidmatan Pakar Runding Dalam Negara	P29105 - Perkhidmatan Pakar Runding Perniagaan Dan Pengurusan - Fasilitator, Coordinator, Moderator, Speaker, Perunding	30,000
Bahan Nudging Program	P27108 - Bahan Promosi (Baju, Bunting, Planner, Brosur)	10,000
Penyediaan Speech Input VIP (15 ms x RM250)	P29112 – Perkhidmatan Penterjemahan dan Penafsiran/Penulisan	3,750
Media Released (2 Media Release x RM1,000)	P29112 – Perkhidmatan Penterjemahan dan Penafsiran/Penulisan	2,000
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		111,750

PERINCIAN KOS – BAJET OPERASI

Perkara	Kategori	Nilai
Tuntutan Perjalanan Pegawai MPC (HQ)		3,000
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		3,000